

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

80 peratus penagih, penghidap HIV diambil bekerja: DOSH
07 Jul 2011
Harian Ekspres (KK)
Tempatan
Neil Chan
Daily
29,826 / 97,836

Language Malay
Page No 2
Article Size 99 cm²
Color Black/white
ADValue 204
PRValue 612



80 peratus penagih, penghidap HIV diambil bekerja: DOSH

Neil Chan

KOTA KINABALU: Lebih 80 peratus daripada penyalahguna dadah dan mereka yang dijangkiti virus HIV kini diambil bekerja di Malaysia, menurut Penolong Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) Sabah/Labuan, Dr. Avinash K. Chand.

Untuk menyelesaikan masalah ini, beliau berkata, jabatan itu menganjurkan bersama satu program dengan Novotel 1Borneo pada 13 Julai sempena Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

“Kita mahu memperkenalkan ke dalam pelbagai industri kod amalan bagi pencegahan dan pengurusan HIV dan AIDS di tempat kerja serta salah guna dadah dan alkohol.

“Sebab kita mahu memperkenalkan ini adalah kerana hampir 80 peratus daripada mereka yang hidup dengan HIV/AIDS dan 80 peratus penyalahguna dadah di tempat kerja itu berada dalam tenaga kerja.

“Kita akan bekerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) untuk memperkenalkan kod amalan ini kepada para pegawai atau pelbagai industri.

“Ini adalah untuk menyediakan ruang di mana para pekerja dalam sesebuah pertubuhan boleh berjumpa dengan pengurusan atau jawatankuasa keselamatan dan kesihatan tanpa rasa takut dihukum, atau tanpa didiskriminasi dan didedahkan.

“Kajian menunjukkan tekanan di tempat kerja dan faktor lain menjejaskan kamu dan produktiviti serta kualiti kerja kamu dan sudah tentu jika kamu mempunyai masalah salah guna dadah kamu boleh membahayakan bukan sahaja diri kamu sendiri tetapi juga orang lain di tempat kerja.

“Jadi memperkenalkan perkara ini bukan sahaja boleh menjadi panduan bagi para pekerja tentang bagaimana mereka boleh mendapatkan bantuan bagi masalah yang dihadapi tetapi juga panduan bagi majikan tentang bagaimana hendak menanganinya sebagai contoh kaunseling dan NGO manakah yang boleh mereka rujuk untuk mendapatkan bantuan,” katanya.